

## **SOALAN LAZIM PEMBANGUNAN TANAH**

- 1. Adakah tanah pertanian di bawah 1 ekar boleh di pecah bahagian?**

Boleh.

- 2. Bolehkah tanah-tanah pegangan pajakan dan pegangan kekal dikemukakan bersekali untuk permohonan penyerahan dan pemberimilikan semula tanah di bawah Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965 bagi mendapatkan satu (1) plot?**

Boleh dan perlu dibawa untuk pertimbangan serta kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

- 3. Bolehkah tanah-tanah pertanian dikemukakan untuk permohonan penyerahan dan pemberimilikan semula tanah di bawah Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965?**

Boleh dan perlu dibawa untuk pertimbangan serta kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

- 4. Bolehkah permohonan pecah sempadan tanah di bawah Seksyen 137 Kanun Tanah Negara 1965 di proses sekiranya dokumen hakmilik tanah adalah hakmilik sementara?**

Boleh berdasarkan pindaan Akta A1104. Maka, Seksyen 137, Kanun Tanah Negara 1965 perlu dibaca bersekali dengan Seksyen 183 Kanun Tanah Negara 1965.

- 5. Bolehkah permohonan penyatuan tanah dibawah Seksyen 146, Kanun Tanah Negara 1965 diproses sekiranya lot-lot yang terlibat mempunyai status pegangan pajakan dan pegangan kekal?**

Boleh dan perlu dibawa untuk pertimbangan serta kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

*Soalan Lazim (FAQ)*

- 6. Saya telah menerima surat daripada Pejabat Tanah dan Galian memaklumkan mengenai keputusan permohonan tanah. Apakah tindakan susulan saya perlu buat?**

Pihak tuan/puan perlu merujuk kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan untuk mendapatkan surat keputusan permohonan tanah. Pejabat Tanah dan Galian hanya menyampaikan keputusan kepada Pejabat Daerah dan Tanah.

- 7. Saya telah mengemukakan permohonan tanah yang sama beberapa kali naum ditolak dan tidak dinyatakan sebab penolakan perumahan tersebut?**

Semua keputusan bagi permohonan tanah akan dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dimana terpulang kepada budi bicara Pihak Berkuasa Negeri untuk menyatakan sebab-sebab penolakan atau tidak.

- 8. Berapakah bayaran proses permohonan pindahmilik dan mencagar yang dikenakan bagi kategori tanah “perindustrian”?**

0.1% daripada harga jualan berdasarkan ringgit yang hampir dan minimum bayaran yang dikenakan adalah RM300.00 bagi permohonan pindahmilik manakala untuk cagar caj yang dikenakan adalah 0.1% daripada harga cagaran berdasarkan ringgit yang hampir dan minimum bayaran adalah RM300.00.

- 9. Sekatan kepentingan adalah “Pg.Sec.6153 (33)/29/9/67, dicagar, pajak, pajakan kecil atau dilupuskan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri daripada Pihak Berkuasa Negeri”.**

**Apakah maksud sekatan tersebut dan adakah hartanah ini perlu mendapatkan surat kebenaran ‘consent Pihak Berkuasa Negeri’?**

Sekatan tersebut membawa maksud sebarang urusan hendak dilakukan perlulah mendapatkan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

*Soalan Lazim (FAQ)*

**10. Berapakah bayaran proses yang terkini bagi permohonan perolehan hartanah oleh warganegara / syarikat asing bagi memiliki hartanah di Pulau Pinang?**

<b>KATEGORI</b>	<b>KADAR BAYARAN</b>
(a) Permohonan untuk kediaman	<ul style="list-style-type: none"><li>- <b>RM10,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>individu</b>)</li><li>- <b>RM20,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>syarikat</b>)</li><li>- <b>RM2,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>PR</b>)</li></ul>
(b) Permohonan untuk perniagaan	<ul style="list-style-type: none"><li>- <b>RM20,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>individu</b>)</li><li>- <b>RM40,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>syarikat</b>)</li><li>- <b>RM4,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>PR</b>)</li></ul>
(c) Permohonan untuk pertanian	<ul style="list-style-type: none"><li>- <b>RM20,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>individu</b>)</li><li>- <b>RM40,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>syarikat</b>)</li><li>- <b>RM4,000.00</b> per lot (Permohonan daripada <b>PR</b>)</li></ul>